

TEKS UCAPAN ALUAN
DATO PROF DR ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSELOR UniMAP,
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN MCMC - UniMAP MAKERSPACE
30 NOVEMBER 2018
DI
AUDITORIUM, PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju

Salam Ilmu, Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP.

SALUTASI DIRAJA

Menghadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang juga Canselor Universiti Malaysia Perlis.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun.

Patik sekalian merafak sembah, menjunjung setinggi - tinggi kasih yang tidak terhingga, atas limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku bercemar duli berangkat hadir seterusnya merasmikan Majlis Pelancaran MCMC Makerspace Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Sesungguhnya keberangkatan hadir Duli Tuanku menyerikan majlis pagi ini sekaligus menyemarakkan lagi keazaman serta komitmen patik dan semua hadirin pada hari ini.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun. Izini Patik Menyampaikan Ucapan Kepada Barisan Tetamu Yang hadir.

Ampun Tuanku,

SALUTASI

Yang Berusaha Tuan Haji Aisharuddin Nuruddin, Pengarah Kanan, Bahagian Teknologi dan Masyarakat, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), wakil kepada Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia,

Yang Berusaha Encik Mohd Farid Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Elvira System,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Foad Sakdan, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Ketua Pustakawan UniMAP

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Azremi Abdullah Al Hadi, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan UniMAP.

Pengarah-Pengarah, Timbalan-timbalan Pengarah, Ketua-Ketua pejabat dan wakil MCMC,

Dekan- dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP,

Wakil wakil media, seterusnya hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

ALUAN KATA

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Azza Wajalla, kerana dengan limpah dan KurniaNya dapat kita bersama berkumpul di majlis Majlis Pelancaran MCMC - UniMAP Makerspace di pagi yang berbahagia ini.
2. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada barisan jawatankuasa pelaksana yang bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pagi ini.
3. Tidak dilupakan juga, setinggi-tinggi terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perlis atas kerjasama memberikan peluang kepada para pelajar untuk menyertai Bengkel micro:bit sempena program MCMC- UniMAP Makerspace ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

MCMC - UNIMAP MAKERSPACE

4. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membangunkan platform UNIMAKER untuk meluaskan sinergi ke arah membina teknologi masa hadapan. Pertandingan UNIMAKER 2018 telah

dijalankan oleh KPM dengan kerjasama beberapa Universiti Awam bermula Julai 2018. Inisiatif UNIMAKER bertujuan menjana ide kreatif dan menghasilkan penyelesaian inovatif selaras dengan senario Revolusi Industri 4.0.

5. Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) telah merubah lanskap teknologi pembuatan masa hadapan. Teknologi baru tidak lagi dimiliki oleh firma dan industri berskala besar semata-mata. Teknologi dan platform kompleks yang memacu Revolusi Industri 4.0 seperti *Cloud Computing*, *Internet of Things*, *Advanced Robotics*, *Artificial Intelligence* dan *3D Printing* kini mampu dimanfaatkan oleh semua. Tidak hairanlah tagline “Teknologi untuk semua” digunakan secara meluas oleh Makerspace di seluruh dunia.
6. Ramai yang masih tertanya, apakah Makerspace? Secara asasnya Makerspace adalah satu bentuk ruang. Di ruang ini, entiti penting iaitu manusia memanfaatkan peralatan, mesin dan bahan. Peralatan canggih dan *sophisticated* yang dimanfaatkan untuk merekabentuk dan menghasilkan produk, sedia diakses oleh komuniti Makerspace. Ia menyuburkan ekosistem perkongsian ilmu, pembelajaran dan kolaborasi. Paling penting, Makerspace merupakan ruang melaksanakan pelbagai projek dan penyelesaian kreatif.
7. Hari ini, Universiti Malaysia Perlis melakar sejarah dengan pembangunan kemudahan *Makerspace* pertama di universiti ini. Ia juga menandakan kejayaan pelaksanaan salah satu inisiatif UniMAP

2025. Dibangunkan di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, inisiatif *Makerspace* merupakan kolaborasi di antara Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Komputer Perhubungan dan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

8. Universiti Malaysia Perlis amat menghargai sumbangan dan tajaan dana oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dalam merealisasikan hasrat dan matlamat Universiti.
9. Peralatan yang disediakan di MCMC - UniMAP Makerspace mungkin sebelumnya hanya ditemui di kilang, makmal berteknologi tinggi dengan akses terhad kepada kumpulan khusus. Namun kini, peralatan *makers* seperti *3D printer*, *laser machines*, *soldering equipment*, kamera, *multimedia workstations* dan pelbagai lagi boleh dimanfaatkan oleh warga kampus dan masyarakat setempat. Peralatan ini telah dimanfaatkan secara meluas oleh komuniti *makers* di seluruh dunia untuk merealisasikan pelbagai idea dan imaginasi mereka, dan dimanfaatkan dalam kehidupan seharian.
10. Malahan, makerspace telah dimanfaatkan oleh institusi pendidikan tinggi untuk mewujudkan impak sosial dalam aspek pembangunan masyarakat dan penyelesaian masalah global. Sebagai Universiti yang dikenali dan mempunyai kelebihan dalam program kesukarelawanan, *MCMC-UniMAP Makerspace* bakal menjadi medan aktiviti kesukarelawanan di kalangan komuniti pelajar UniMAP.

11. Pembangunan *MCMC - UniMAP Makerspace* melambangkan komitmen Universiti ini ke arah menjayakan matlamat medan ilmu terbuka yang disasarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Makerspace bakal menjadi platform penting untuk masyarakat Perlis menimba ilmu, bertukar idea dan membina perspektif kehidupan yang lebih luas.

Hadirin sekalian,

12. Pembangunan makerspace juga menjadi antara platform penting untuk memupuk minat dan kecenderungan rakyat Perlis dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik atau STEM. Perangkaan bagi tempoh 2013 hingga 2017, dianggarkan hanya 5% para pelajar Perlis menyertai UniMAP sebagai destinasi pendidikan tinggi mereka. Bagi tempoh lima (5) tahun tersebut, hanya 600 orang rakyat Perlis berdaftar sebagai pelajar UniMAP.
13. Pelbagai program pendidikan berasaskan sains dan teknologi yang bakal diakses oleh rakyat Perlis diyakini berupaya menyediakan pendedahan meluas mengenai aplikasi teknologi. Seterusnya, program ini bakal menjadi pendorong utama rakyat untuk memilih bidang pengajian dan kerjaya sebagai jurutera dan teknologis.
14. UniMAP juga mempunyai sumber kepakaran dalam bidang teknologi dan kejuruteraan dengan kekuatan 800 orang staf akademik dan penyelidik dalam bidang berkenaan. UniMAP bersedia berkongsi

kepakaran dalam bidang aplikasi android, arduino, CNC, litar elektrik, pengaturcaraan, Internet of Things (IoT), Rekabentuk PCB, Mikro:Bit dengan warga UniMAP dan masyarakat awam melalui pelbagai program di MCMC-UniMAP Makerspace.

15. Sumber kepakaran UniMAP juga bakal dimanfaatkan untuk mewujudkan budaya *Do It Yourself* - DIY dalam kalangan warga Universiti dan masyarakat umum.
16. Hari ni, MCMC - UniMAP Makerspace telah memulakan program latihan micro:bit kepada para pelajar Sekolah Menengah terpilih di Negeri Perlis. Mereka bakal diberi pendedahan mengenai komponen Mikro:Bit dan asas pengaturcaraan konsep pengaturcaraan melalui antara muka pengaturcaraan visual serta memahami sintaks pengaturcaraan mikro:bit.
17. Satu sesi syarahan bertajuk "*The Future of IoT*" yang akan disampaikan oleh Dr. Mohamed Alshaikh Elobaid akan diadakan pada petang ini bertempat di Auditorium Perpustakaan. Sesi syarahan ini merupakan program awal yang dijalankan oleh MCMC - UniMAP Makerspace dan saya yakin, bakal diikuti dengan lebih banyak program berimpak.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PENUTUP

18. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan ucapan terima kasih kepada pihak MCMC dan Elvira System serta dif-dif yang hadir. Saya juga merakamkan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak MCMC yang telah menyumbang dana bagi menyediakan makerspace di UniMAP. Semoga dengan kerjasama ini akan dapat melancarkan hasrat UniMAP untuk menjadi sebuah universiti digital, InsyaaAllah.

Ampun Tuanku,

19. Demikian sahaja sembah ucapan patik. Sekali lagi patik dengan penuh hormat merafak sembah menjunjung kasih atas limpah perkenan Duli Tuanku yang banyak membantu patik sekalian meneruskan kerja mencapai kejayaan buat UniMAP.

Menjunjung kasih Tuanku.

Patik sudahi dengan ucapan Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.